

(13 Jun 2021) Bentuk HR 1441PS

# KL sasar 33,000 dos vaksin sehari minggu depan

**Kuala Lumpur:** Kapasiti harian pemberian vaksin COVID-19 di ibu negara akan ditingkatkan kira-kira 200 peratus daripada 7,000 hingga 10,000 dos sehari ketika ini kepada 30,000 hingga 33,000 dos sehari, minggu depan.

Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa, berkata ia susulan Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF) bersetuju mempercepatkan pemberian vaksin di Kuala Lumpur (KL) bagi mengekang lonjakan kes harian yang semakin tinggi.


Beliau yakin kadar suntikan harian mula mencecah 30,000 dos sehari Rabu ini dan konsisten bagi memastikan 80 peratus penduduk di Kuala Lumpur mene-

rima vaksin COVID-19 menjelang 31 Ogos depan, sekali gus mencapai imuniti kelompok lebih awal daripada sasaran kebangsaan.

"Perancangan kita ialah supaya 80 (peratus) populasi di Kuala Lumpur divaksin menjelang 31 Ogos, walaupun purata kebangsaan dianggarkan sekitar 50 peratus menjelang tarikh itu.

"CITF tekankan keperluan untuk kita pastikan kapasiti pemberian vaksin ditingkat dan konsisten," katanya pada sidang media semalam.

Beliau mengulas saranan pakar virologi Universiti Malaya (UM), Prof Dr Sazaly Abu Bakar yang mahu pemberian vaksin ne-



Annuar beramah mesra dengan penerima vaksin ketika membuat tinjauan pelaksanaan Program Vaksinasi melalui Trak Vaksin Bergerak MyMedic@Wilayah di Perumahan Sri Awam Johor, semalam.  
(Foto BERNAMA)

gara ditukar kepada pendekatan aktif dengan memberi tumpuan kepada kawasan yang mencatat kes harian tinggi seperti Kuala Lumpur dan Selangor.

Sazaly yang juga Pengarah Penyelidikan dan Pendidikan Penyakit Berjangkit Tropika (TIDREC), berkata pemberian vaksin juga perlu tertumpu di kawasan kluster kes positif COVID-19, berbanding hanya mem-

berikannya kepada penerima berdaftar mengikut giliran.

Dalam perkembangan berkaitan, Annuar berkata, kira-kira 3,000 pekerja Pasar Borong Kuala Lumpur di Selayang dan Pasar Harian Selayang akan menerima suntikan vaksin COVID-19 bermula minggu depan menerusi program Trak Vaksin Bergerak.

Katanya, dianggarkan 2,000 pekerja di Pasar Borong Kuala

Lumpur dan sekitar 1,000 pekerja Pasar Harian Selayang akan menerima suntikan dos pertama vaksin itu.

"Ia berikutnya risiko penularan wabak di pasar masih tinggi. Operasi pasar borong amat penting dan tidak boleh ditutup. Jadi, saya minta Datuk Bandar Kuala Lumpur menguruskan pemberian vaksin kepada mereka," katanya.